

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 SEPTEMBER 2016

# Anwar tidak suka Dr. M sehingga panggil 'mamak'

Oleh **NORAZLITA MOHD. SIES**

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 23 Sept.** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lenggeng, Negeri Sembilan, Datuk Ishak Ismail berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak menyukai Tun Dr. Mahathir Mohamad sehingga menggelarkan beliau yang ketika itu Perdana Menteri dengan panggilan 'mamak'.

Menurutnya, Anwar bercakap tentang sentimen yang jauh berbeza misalnya di khalayak ramai, bekas Ketua Pembangkang itu akan menyebut janji-janji untuk Dr. Mahathir tetapi secara peribadi, apa yang disebut adalah 'racun' bagi menentang bekas Presiden UMNO itu.

"Di khalayak ramai, Anwar tidak akan mengkritik Dr. Mahathir dan secara terbuka akan membelanya tetapi secara peribadi, misalnya dengan rakan rapat atau kawan politik, dia akan mengkritiknya dalam isu-isu daripada dasar kerajaan hinggalah kepada bangsa (keturunan) Dr. Mahathir.

"Anwar selalu merujuknya sebagai, 'Mamak tak boleh percaya'



**KHAIRY JAMALUDDIN**



**ISHAK ISMAIL**

(*Untrustworthy Mamak*)," kata Ishak yang menganggap perkataan mamak pada masa dulu boleh dianggap sebagai rujukan kesat dan menghina.

Ishak, 65, yang juga bekas Ketua Bahagian UMNO Seremban selain itu menyatakan, semasa bersama Anwar di dalam pejabatnya (Anwar) di Kementerian Kewangan pada awal 1998 bersama beberapa orang, topik mengenai Dr. Mahathir telah dibangkitkan.

Apa yang dibangkitkan oleh Anwar yang menarik perhatian beliau, ujar Ishak: "Ini Mamak tak boleh pakai, merujuk kepada Dr. Mahathir. Ketika itu setiausaha politik Anwar, Mohamed Ezam Mohd. Nor memang berada di situ."

Ishak menyatakan demikian dalam pernyataan saksi pada perbicaraan kes saman fitnah Anwar terhadap Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin yang diwakili peguam Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Menjawab soalan Muhammad Shafee adakah pada masa lain, Anwar memuji bekas ketuanya itu, menurut Ishak, beliau teringat satu kejadian di rumah Anwar di Bukit Damansara dan ketika itu beliau ada memuji Dr. Mahathir di hadapan penyokong bekas Perdana Menteri keempat itu.

Anwar menurut Ishak menyatakan sesuatu seperti, "kalau tiada Tun M, parah kita."

Katanya, antara orang yang berada di situ ialah Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang merupakan Ketua Pemuda UMNO (ketika itu).

Ishak yang memberi keterangan di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Azizul Azmi Adnan menyatakan, beliau sentiasa setia

kepada Presiden dan perkara itu diketahui oleh Anwar.

Menurut saksi, menuju kepada pemecatan Anwar pada tahun 1998, setiap kali beliau nampak seperti mengkritik Dr. Mahathir, Anwar akan menyokong dan menggalakkan kritikan itu dan juga pernah menawarkan untuk memberi 'peluru' terhadap ketuanya itu.

'Peluru' yang dimaksudkan Anwar, ujar saksi adalah 'pembinaan' dan sering kali dia akan bangkitkan topik mengkritik Dr. Mahathir bagi mereka yang rapat dengannya untuk menambah 'lada dan garam' ke atas kritikan yang dibuat.

Anwar memfailkan saman terhadap Khairy pada 7 Mac 2008 bagi menuntut ganti rugi RM100 juta dengan mendakwa menteri tersebut yang ketika itu Naib Ketua Pemuda UMNO, mengeluarkan kata-kata berbau fitnah dan menyebabkan klip video bertajuk *Anwar and kin no threat* disiarkan dalam laman web, termasuk *Malaysiakini.com*.

Perbicaraan bersambung 13 dan 16 Disember ini.

Um - 24/9/2016